

19/04/2004

Dua watak berbeza perlu jadi teladan ahli Umno

By Kadir Dikoh

LAGU Que Sera Sera, what ever will be, will be, sudah dinyanyikan Datuk Ibrahim Ali ketika bertanding sebagai calon Bebas pada pilihan raya umum bulan lalu.

Tetapi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang juga dikenali sebagai 'Mike Tyson', tidak gemarkan lagu itu kerana beliau lebih selesa mendengar lagu sentimental seniman agung Tan Sri P Ramlee Berkorban Apa Saja.

Ketika berbual panjang di bilik penginapannya yang berlarutan melepasi tengah malam sewaktu musim kempen pilihan raya kecil di Kedah pada 2002, Muhammad secara terus terang memberitahu bahawa beliau adalah ahli Umno yang taat kepada parti.

Bekas Menteri Besar Selangor itu berkata, beliau akan patuh kepada apa saja arahan pucuk pimpinan dan bekerja semata-mata atas nama perjuangan Umno, bukan untuk mengejar jawatan atau pangkat.

Memang ramai di kalangan pemimpin dan ahli Umno akan bercakap seumpama itu, namun ramai juga yang akhirnya berubah sikap ibarat 'cakap tak serupa bikin'.

Tetapi bukan Muhammad, yang bekerja dan terus bekerja untuk parti walaupun tidak diberi jawatan dalam kerajaan di sebalik kedudukannya di barisan ketiga dalam Umno.

Beliau tidak merajuk apabila tidak dicalonkan untuk bertanding pada pilihan raya umum 21 Mac lalu. Sebaliknya, beliau merantau ke merata tempat dan berkempen dengan gigih dan penuh bersemangat membantu calon Barisan Nasional (BN).

Kalaulah semua orang Umno mengetepikan sindrom merajuk, dunia akan menjadi aman dan mungkin juga BN boleh merampas semula Kelantan daripada Pas baru-baru ini.

Ibrahim pernah mencabar penulis ketika beliau digugurkan daripada jawatan Ketua Umno Bahagian Pasir Mas pada November tahun lalu.

"Kalau you berani, tulislah.... saya 'disembelih' dua hari sebelum raya," kata Ibrahim. Kata-kata itu disiarkan akhbar ini dan selepas itu Ibrahim senyap.

Perasaan marah Ibrahim sampai ke kemuncaknya apabila beliau tidak dipilih sebagai calon BN pada pilihan raya baru-baru ini dan nekad untuk bertanding sebagai calon Bebas.

Segala-galanya sudah menjadi sejarah. Watak Muhammad dan Ibrahim ini adalah contoh terbaik untuk dijadikan iktibar sebagai teladan dan sempadan di dalam Umno.

Menjelang pemilihan pada peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak lama lagi, ahli parti perlu menilai seseorang yang bakal dipilih itu berdasarkan kebolehan serta keperibadian tinggi dan mereka yang tidak mudah merajuk.

Perkembangan terbaru? Dengar khabar Muhammad kemungkinan besar tidak akan mempertahankan jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan bagi jawatan tertinggi dalam parti yang dijangka diadakan pada Ogos atau September ini.

Sebaliknya, beliau mungkin dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno yang baru, menggantikan tempat Tan Sri Khalil Yaakob yang dikatakan akan dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka keenam Jun ini, menggantikan Tun Syed Ahmad Syed Mahmud Shahabuddin.

Sebaik-baiknya, jawatan Setiausaha Agung Umno dan BN disandang oleh orang seperti Muhammad yang tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan

supaya tumpuan sepenuhnya boleh diberikan.

Jika khabar itu menjadi kenyataan, bermakna akan berlaku dua kekosongan jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan kali ini.

Seorang lagi Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak sudah pasti mengosongkan jawatan itu untuk mengisi jawatan Timbalan Presiden. Ini bermakna, hanya Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang sudah berjanji tidak akan mencabar Najib bagi jawatan nombor dua, akan mempertahankan jawatan Naib Presiden.

Keadaan itu sudah pasti menarik perhatian ramai untuk mengintai kedudukan yang dilihat hierarki untuk sampai ke puncak. Ramai yang Menaruh Harapan seperti lagu Zaiton Sameon.

Bagi Muhammad, lagu I will Survive yang pernah dipopularkan Gloria Gaynor memang sudah lama didendangkannya iaitu sejak digugurkan daripada jawatan Menteri Besar Selangor pada 1997.

Pemilihan dalam Umno inilah bakal menjadi tumpuan selepas ini tetapi tarikh untuk Perhimpunan Agung Umno tahun ini belum ditetapkan yang akan didahului oleh mesyuarat pemilihan peringkat cawangan dan bahagian.

Ramai yang sudah menunjukkan minat untuk bertanding dan bergerak pada peringkat bawahan tetapi belum begitu berani untuk menyuarakannya secara terbuka.

Pertama bagi mematuhi arahan Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya mereka yang dipilih sebagai wakil rakyat baru-baru ini tidak sibuk dengan pemilihan dalam parti, sebaliknya bekerja untuk rakyat.

Begitu pun, ada juga yang `terlepas' dan mengumumkan hasrat secara terbuka untuk bertanding.

Kedua adalah untuk meninjau reaksi ahli Umno peringkat bawahan terlebih dulu dan tawar menawar sebenarnya sudah bermula iaitu `bahagian you calonkan I dan bahagian I nanti akan calonkan you pula'.

Sebutan You dan I sesama Yang Berhormat (YB) adalah perkara biasa. Masalahnya kalau you atau i tewas pada pemilihan jawatan ketua bahagian macam mana?

Kalau hendak menang dan menawan hati perwakilan, bekerja kuat, jaga disiplin dan ikut gaya `Mike Tyson'.

Zaman berucap secara retorik tanpa tindakan sudah berlalu. Tunggulah kod etika yang akan dilancarkan oleh Pak Lah nanti kerana semua kriteria hendak menjadi wakil rakyat yang cemerlang, gemilang dan terbilang, ada dicatatkan termasuk apa yang patut dan tidak patut dilakukan.

Mereka yang mendapat tempat dalam pentadbiran Pak Lah sama ada sebagai menteri, timbalan menteri atau Setiausaha Parlimen, juga sudah pasti terdorong untuk menawar diri bertanding terutama pada peringkat tertinggi parti.

Malah, pemilihan ramai calon muda oleh Perdana Menteri sebagai wakil BN ketika pilihan raya lalu menjadi petunjuk kepada perwakilan Umno bahawa generasi muda perlu diberi tempat dalam Umno sebagai pewaris politik negara.

Pak Lah dan Najib kemungkinan besar memenangi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tanpa dicabar dan pasti ada usul mengenai perkara itu diusahakan iaitu mengikut amalan tradisi dalam Umno.

Meskipun ada suara menyatakan supaya jawatan Naib Presiden tidak ditandingi, rasanya kurang bijak untuk berbuat demikian. Biarlah pemimpin pelapis Umno berebut jawatan itu dalam suasana mesra dan persaudaraan.

Setakat ini, cuma Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Datuk Zaid Ibrahim sudah menyatakan secara terbuka untuk merebut jawatan Naib Presiden. Yang lain masih mengintai peluang.

Berikutan itu, suasana pemilihan dalam Umno kali ini bakal menyaksikan percaturan pemimpin tertentu untuk mengisi kedudukan nombor tiga dalam parti.

Tidak kurang menarik ialah pertandingan dalam pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno. Yang pasti jawatan Ketua Puteri akan dikosongkan oleh Datuk Azalina Othman kerana melebihi had umur 40 tahun.

Datuk Seri Rafidah Aziz pula tidak menghadapi masalah untuk mempertahankan jawatan Ketua Wanita.

Bagi Azalina, sebaik-baiknya adalah bertanding jawatan MT tanpa perlu tergesa-gesa untuk merebut jawatan kanan yang lain. Rafidah sudah berusia melebihi 60 tahun.

Sebenarnya, Azalina adalah pemimpin kedua selepas Tun Dr Mahathir Mohamad dalam Umno yang terus dilantik menjadi menteri penuh.

Apa yang masih menjadi teka-teki ialah kedudukan Datuk Hishammuddin Hussein sama ada mempertahankan jawatan Ketua Pemuda atau beradu nasib untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

Lebih separuh daripada Exco Pemuda Umno pula terpaksa tidak bertanding kali ini kerana lebih had umur dan sesetengahnya sedang berkira-kira sama ada menawarkan diri bertanding jawatan MT.

Bagi Hishammuddin, beliau perlu bijak mengatur langkah dan faktor negeri Johor harus diambil kira dengan sebaik mungkin. Muhyiddin sendiri sudah berada di barisan Naib Presiden dan sebelum ini Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pernah mencuba untuk merebut jawatan itu dan tidak mustahil akan mencuba sekali lagi kali ini.

Kepada Hishammuddin, 42, perkataan "now or never" tidak harus menghantui pemikirannya. Masa depannya tetap cerah dan nyanyilah lagu ever green The Young Ones.

(END)